

## Mesyuarat Pemimpin APEC ke-30



Anwar menghadiri perjumpaan pemimpin Indo-Pacific Economic Framework for Prosperity, seterusnya menyertai jamuan Makan Malam Rasmi yang dihoskan Presiden Amerika Syarikat, di San Francisco, semalam.

(Foto Pejabat Perdana Menteri)

# Nilai kemanusiaan, ekonomi harus atasi pakatan politik

## Malaysia gunakan forum untuk merayu hentikan kekejaman di Palestin

**San Francisco:** Nilai teras dan kepentingan multilateralisme terutamanya bagi ekonomi seperti Malaysia dan kemanusiaan harus mengatasi pakatan politik, antara mesej utama ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa berada di sini.

Mesej beliau di setiap platform di sini mudah dan jelas - pembunuhan dan kekejaman di Gaza perlu dihentikan dan tidak ada pilihan lain lagi.

Anwar yang berada di sini untuk Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC ke-30, turut menyertai Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif APEC dan menyampaikan syarahan di University of California, Berkeley.

Katanya, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pengeboman orang awam, rumah dan hospital di Gaza.

Selain Malaysia, daripada 21 ekonomi yang menyertai APEC 2023, Brunei dan Indonesia turut menyertai isu konflik di Asia Barat itu di sini.

Ketiga-tiga negara memutuskan untuk mengeluarkan kenyataan berasingan pada penghujung Minggu Pemimpin APEC 2023, menggesa gencatan senjata di Gaza.

Ini selepas Ekonomi APEC gagal

mencapai kata sepakat mengenai perenggan yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat (AS) berhubung isu geopolitik membabitkan Russia dan Ukraine yang tidak menyentuh tentang Gaza.

"Secara keseluruhannya, saya gembira kerana ia pendirian yang penting. Kami bukan pejuang atau ingin berseteru, tetapi kami mengambil pendirian sebagai sahabat.

"Saya tidak menggunakan forum ini untuk mengutuk, tetapi lebih kepada merayu, untuk menghentikan kekejaman yang berlaku di Gaza," katanya.

### Rangsang kemajuan ekonomi

Mengenai perdagangan dan pelaburan, Anwar yang juga Menteri Kewangan berpendapat APEC harus kekal sebagai platform bagi semua negara berkumpul untuk membangunkan strategi yang merangsang kemajuan ekonomi, sambil mengekalkan standard tertinggi kerjasama dan saling menghormati.

Beliau berkata, kelompok yang berada di bawah kategori ekonomi baharu muncul seperti Malaysia, mendapat manfaat besar daripada kerjasama sedemikian dalam aspek perdagangan dan pelaburan.

Bagi Putrajaya, beliau berkata, AS menjadi pelabur utama di Malaysia, tetapi terdapat peralihan dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan dari China.

Oleh itu, Beijing kekal sebagai pusat kepada hal ehwal serantau kerana saiz, kedudukan yang hampir dan hubungan yang mendalam dengan Asia Tenggara.

"Apabila ekonomi China semakin matang, ia akan mengalih-

kan penekanan daripada pelaburan dan eksport, ke arah penggunaan dan perkhidmatan domestik," katanya pada Mesyuarat APEC sulungnya sebagai Perdana Menteri.

Anwar juga mengambil peluang untuk berkongsi keutamaan dan prinsip Malaysia di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI, menekankan keterangkuman, pembangunan mampan dan kerjasama untuk kemakmuran bersama di pelbagai mesyuarat.

APEC 2023 menyaksikan Malaysia bersama 13 lagi Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) menandatangani perjanjian rantaian bekalan, menandakan kemasukan pakatan perdagangan yang diketuai oleh AS.

Tiga belas lagi anggota itu terdiri daripada Australia, Brunei, Fiji, India, Indonesia, Jepun, New Zealand, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Thailand, AS dan Vietnam.

IPEF terdiri daripada empat tonggak utama: Tonggak 1 - Perdagangan, Tonggak 2 Rantaian Bekalan, Tonggak 3 - Tenaga Bersih dan Tonggak 4 - Ekonomi Adil. Rundingan itu akan menyaksikan empat perjanjian berasingan bagi setiap tonggak ini.

AS dan Malaysia antara 12 ahli pengasas APEC. Ahli yang lain ialah Australia, Brunei, Kanada, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Filipina, Singapura dan Thailand.

China, Hong Kong, Taiwan, Mexico dan Papua New Guinea menyusul pada 1993. Chile bersejua pada 1994 dan pada 1998, Peru, Russia serta Vietnam menyertai, menjadikan keahlian penuh kepada 21 ekonomi.